



JUNAIDI (tiga kiri) menyampaikan cenderamata kepada Zurita sambil diperhatikan **Samsudin** (2 kanan), **Taufek** (2 kiri) dan **Fadzli** (kiri).

UMSKAL jalin kerjasama dengan TH membabitkan mahasiswa

UB 14.6.2014 B3

UNIVERSITI Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan menjalin kerjasama dengan Tabung Haji (TH) melalui pelbagai program yang membabitkan mahasiswa universiti itu.

Pegawai Bahagian Hal Ehwal Islam dan Masjid (BHEIM), UMSKAL, Ustaz Junaidi Kepli berkata kedua-dua pihak bersetuju supaya program yang membabitkan mahasiswa akan diutamakan untuk menjayakan program tersebut.

Selain itu, beliau yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof. Madya

Dr. Ismail Ali berkata TH juga mahu memperkenalkan syarikat itu kepada kakitangan universiti termasuk mengenai produk yang membabitkan kepentingan umat Islam di negara ini.

“UMSKAL dan TH akan mengadakan pelbagai program yang membabitkan mahasiswa dan kakitangan universiti itu pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan Timbalan Pengarah TH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Zurita Ahmad Raffie

di Pejabat Pengarah, Khamis lalu.

Turut hadir Pengurus TH Labuan, Haji Samsudin Ali, Ketua Bahagian Pentadbiran, Taufek Latip dan Penolong Pendaftar Hal Ehwal Pelajar, Fazli Sarudi.

Sementara itu, Zurita berkata TH akan mewujudkan Kelab Taha@U di universiti itu untuk manfaat mahasiswa semasa berada di universiti dan selepas menamatkan pengajian kelak.

“Banyak manfaat yang boleh diperoleh mahasiswa melalui Kelab Taha@U itu,” katanya.